

**SYARAT-SYARAT KELULUSAN KUOTA EKSPORT KAYU GETAH BERGERGAJI
BAGI TAHUN 2017**

1. Syarikat-syarikat pengeluar dan pemprosesan kayu yang berdaftar dengan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) sebagai pengeksport (T/E) dan pembekal (T/S) yang sah;
2. Syarikat- syarikat yang memiliki lesen kilang yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan;
3. Syarikat-syarikat yang telah membuat pelaburan dalam aktiviti pemprosesan lanjut seperti kilang-kilang dan jentera, loji pengawetan kayu,loji pengeringan tanur dan lain-lain;
4. Hanya syarikat-syarikat tempatan sahaja yang layak dipertimbangkan;
5. Bagi permohonan syarikat-syarikat yang mempunyai pemegang-pemegang saham yang sama, hanya satu kelulusan kuota eksport sahaja yang akan diperuntukkan;
6. Keutamaan diberikan kepada syarikat-syarikat yang membeli balak getah terus daripada pekebun kecil getah;
7. Keutamaan diberikan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai prestasi eksport yang baik; dan
8. Keutamaan juga diberikan kepada syarikat yang mempunyai stok KGB.
9. Pihak syarikat hendaklah memajukan bukti penjualan KGB kepada syarikat tempatan bagi dipertimbangkan untuk kelulusan kuota.

Nota: Merujuk kepada surat MPIC bertarikh 3 Januari 2013, hanya untuk syarikat Bumiputera sahaja, syarat kedua diberikan kelonggaran iaitu dibenarkan untuk syarikat yang menyewa kilang pemprosesan KGB. Pemeriksaan dan lawatan ke syarikat yang pertama kali memohon kuota KGB akan dibuat oleh MTIB sebelum kelulusan kuota eksport diberikan.